

08 NOV 2001

TIMBALAN YANG di-PERTUAN AGONG HADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja ke-190 di Istana Negara di sini, hari ini.

Sultan Mizan diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat dua hari itu yang bermula semalam dan dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar.

Kesemua raja hadir kecuali Sultan Kedah yang diwakili oleh Tunku Bendahara Kedah Datuk Seri Tunku Annuar Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Johor yang diwakili oleh Tengku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ibni Sultan Iskandar dan Sultan Perak yang diwakili oleh Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

Kesemua yang Dipertua Negeri turut hadir pada mesyuarat itu.

Sementara itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah dalam satu kenyataan berkata antara perkara yang dibincangkan ialah keselamatan negara dan soal perlantikan.

-- BERNAMA

MUN MAM PR